

07 SEP 1998

Mustapa-reaksi

MUSTAPA MOHAMED TERKEJUT DENGAN PELANTIKANNYA

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Datuk Mustapa Mohamed yang dilantik sebagai Menteri Kewangan Kedua hari ini berjanji akan melaksanakan tanggungjawabnya sebaik mungkin bagi membantu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menjalankan tugas di Kementerian Kewangan.

Mustapa, yang juga Menteri Pembangunan Usahawan, menyifatkan pelantikan beliau itu sebagai satu penghormatan dan amanah.

"Saya terkejut dengan pelantikan ini," kata beliau dalam satu kenyataan tiga perenggan hari ini.

Jabatan Perdana Menteri dalam satu kenyataan hari ini mengumumkan bahawa Dr Mahathir kini menyandang jawatan Menteri Kewangan Pertama dan Mustapa memegang jawatan Menteri Kewangan Kedua, berkuatkuasa hari ini.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir atas pelantikannya.

Mustapa berkata beliau telah diberi taklimat oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan petang tadi mengenai peranan dan bidang kuasa kementerian tersebut.

"Pada masa yang sama saya akan terus menjalankan tugas sebagai Menteri Pembangunan Usahawan," kata beliau lagi.

Di KUALA TERENGGANU, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak menyambut baik pelantikan Mustapa dan menyifatkannya sebagai pilihan yang tepat kerana Mustapa mempunyai banyak pengalaman dalam bidang ekonomi.

Beliau berkata Mustapa merupakan orang yang sesuai untuk membantu Dr Mahathir yang berusaha keras untuk memulihkan ekonomi negara.

"Beliau (Mustapa) banyak pengalaman dalam bidang ekonomi, lebih-lebih lagi pernah menjadi Timbalan Menteri Kewangan sebelum dilantik sebagai Menteri Pembangunan Usahawan," katanya.

Katanya, pengumuman Dr Mahathir melantik dua jawatan menteri kewangan membolehkan beliau dan Mustapa menumpukan banyak perkara dalam menangani kegawatan sekarang.

Najib berharap Mustapa dapat memainkan peranannya dan menjalankan tugas yang dipikul itu dengan baik serta mampu memulihkan semula keadaan ekonomi negara.

Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim juga menyokong pelantikan Mustapa itu dan menyifatkannya sebagai kena pada tempat dan orangnya.

"Beliau (Mustapa) merupakan seorang yang berpengalaman dalam kementerian itu dan boleh menjalankan tugas dengan baik," katanya ketika menghadiri Mesyuarat Exco-exco Pendidikan Negeri di Kuala Terengganu hari ini.

-- BERNAMA

sbs KHY